

21 JUL 1998

Mahathir-Umno

HASUTAN ORANG ASING UNTUK PECAH-BELAHKAN UMNO

SEREMBAN, 21 Julai (Bernama) -- Hasutan daripada orang asing yang boleh menyebabkan Umno berpecah belah adalah serius kerana terdapat anggota Umno yang menyambut tuduhan itu, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Perdana Menteri berkata jika tuduhan itu disambut ia akan menjadi senjata yang akan menikam semula Umno.

"Bila orang kita menyambut, parti lawan pun menyambut juga, dia seronok ada isu untuk hentam kita...di Arau inilah yang menjadi isu," katanya pada persidangan berita selepas mengadakan perjumpaan tertutup dengan Ketua-ketua Bahagian, Pemuda dan Wanita serta pegawai-pegawai penerangan Umno negeri di Dewan Theatre, Wisma Negeri di sini.

"Kadang-kadang apabila mendapat maklumat, kita tidak membuat pemeriksaan maksud maklumat itu yang mempunyai agenda tersembunyi.

"Orang ada berniat jahat tetapi (kerana) dia pandai bercakap, jadi kita tidak nampak kejahatan mereka...niat mereka tersembunyi," katanya.

Beliau berkata ada di kalangan anggota Umno yang belum faham apa yang sebenarnya dilakukan oleh pihak asing yang selalu menafikan mereka mempunyai niat jahat.

"Mereka selalu kata mereka ada niat baik, mengadakan pemerintahan yang telus tetapi mereka membuat tuduhan yang tiada asas. Ini kita kena terangkan kepada ahli-ahli Umno," katanya.

Dr Mahathir berkata, media asing membuat tuduhan kononnya Umno mengamalkan kronisme, nepotisme dan kononnya Dasar Ekonomi Baru (DEB) adalah manifestasi kronisme dan nepotisme walaupun ia menguntungkan secara menyeluruh.

Ketika ditanya sama ada ketelusan mempunyai had, Dr Mahathir berkata; "Ia perlu tetapi pihak asing menyatakan kita perlu telus dan mereka tidak, yang bermakna ia merupakan dwi standard."

Beliau berkata perjumpaannya dengan kepimpinan Umno negeri itu ialah untuk menyatakan mengenai pentingnya peranan Umno supaya terus kukuh dan bersatu padu serta tidak menerima hasutan daripada orang asing yang boleh menyebabkan Umno berpecah belah.

Beliau berkata cara Umno menanganinya ialah dengan menerangkan kepada orang ramai supaya mereka faham mengenai perkara itu kerana Umno adalah parti yang dianggotai ramai orang dan tidak boleh bertindak sebagai parti elitis.

Katanya, beliau akan pergi ke setiap negeri untuk memberi penerangan mengenai perkara itu.

Menurutnya, di Melaka dan Kedah yang beliau telah lawati, para pemimpin Umno lebih faham dan jelas mengenainya.

Yang hadir pada majlis itu ialah Menteri Besar Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad.

-- BERNAMA

AZ RP AKD